



MAKTAB RENDAH SAINS MARA

**PEPERIKSAAN PERCUBAAN
SIJIL PELAJARAN MALAYSIA 2007**

BAHASA MALAYSIA

Kertas 2

Dua jam tiga puluh minit

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. *Kertas soalan ini mengandungi empat soalan.*
2. *Jawab semua soalan.*
3. *Jawapan bagi Soalan 2 (b), Soalan 2 (c), Soalan 2 (d) dan Soalan 4 berdasarkan teks Komponen Kesusasteraan Melayu Tingkatan 4 dan 5.*

Kertas soalan ini mengandungi 10 halaman bercetak dan 2 halaman tidak bercetak

Soalan 1 : Rumusan

[30 markah]

Baca petikan di bawah dengan teliti, kemudian buat satu rumusan tentang faedah-faedah yang diperoleh daripada bidang bioteknologi di negara ini dan halangan-halangan yang dihadapi untuk menjayakan bidang tersebut. Panjang rumusan hendaklah tidak melebihi 120 patah perkataan.

Selepas era teknologi maklumat dan komunikasi (ICT), dunia sekarang menumpukan perhatian pula kepada bidang bioteknologi. Bidang ini lebih menjurus dan menekankan aspek penyelidikan. Hal ini bertepatan dengan takrifan bioteknologi itu sendiri yang berasal daripada gabungan biologi dan teknologi yang bermaksud penggunaan sains untuk penghasilan bahan lain yang boleh dimanfaatkan bersama. Bidang ini mengaplikasikan ilmu pengetahuan demi kesejahteraan manusia.

Dalam usaha memajukan sektor pertanian, semua pihak perlu melipatgandakan usaha bagi membuktikan sektor pertanian bukannya sektor 'lembap' yang sebelum ini sentiasa dikaitkan dengan kemiskinan. Kerajaan mahu menjadikan sektor pertanian maju dan dinamik serta mampu memberi nafas baru selari dengan perkembangan arus globalisasi. Aspirasi murni kerajaan ini terserlah dengan pelancaran Dasar Bioteknologi Negara (DBN). DBN memanfaatkan sumber kepelbagaian biologi di negara ini seperti flora dan fauna serta sumber lain seperti mikro dan organisma marin untuk penyelidikan. DBN memastikan rakyat mendapat faedah dengan wujudnya pelbagai bentuk aktiviti industri berasaskan bioteknologi.

Bidang ini menjadi kunci pemacu kemajuan yang diperlukan untuk mengubah proses pertanian ke arah dimensi yang lebih moden, justeru meningkatkan imej sektor pertanian yang sekian lama dilihat sebagai sektor kelas kedua dibandingkan dengan sektor pembuatan dan automotif. Pendekatan baharu DBN juga membolehkan industri herba yang dikatakan bernilai RM50 bilion setahun akan terus berkembang. Pasti penyelidikan bioteknologi bukan sekadar memproses Tongkat Ali dan Kacip Fatimah, tetapi juga mencakupi aspek penghasilan enzim dan makanan berfungsi serta penghasilan tumbuhan dan haiwan ternakan baka baharu. Penambahbaikan secara agresif oleh pihak kerajaan menerusi Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani akan memastikan bidang ini akan terus berkembang maju.

Dalam aspek yang lain, menerusi bidang bioteknologi industri bahan buangan atau sisa industri dapat diberikan nilai tambah untuk menghasilkan produk baharu yang boleh dimanfaatkan. Bidang ini dianggap sebagai ilmu sains yang membawa kekayaan dan kemakmuran kepada manusia. Penyelidikan yang dilakukan dalam bidang ini tidak menggunakan unsur kimia untuk menghasilkan sesuatu penemuan, sebaliknya hanya menggunakan mikroorganisma, sel, dan molekul untuk tujuan tertentu.

Tidak dapat dinafikan masa depan negara ini antara lain bergantung pada kejayaan bidang bioteknologi dan keberkesanan pelaksanaan DBN. Kita telah menyaksikan komitmen yang diberi oleh pihak kerajaan untuk *menggapai kesejahteraan dan kemakmuran* negara melalui bidang yang semakin penting ini. Justeru peluang untuk menikmati faedah daripada bidang bioteknologi ini tidak harus dilepaskan begitu sahaja.

(Dipetik dan diubahsuaikan daripada Bidang Bioteknologi: Malaysia Mula Mengukir Nama, *Dewan Masyarakat*, Ogos 2005)

Soalan 2 : Pemahaman

[35 markah]

Soalan 2(a) – Petikan Umum

Berdasarkan petikan **Soalan 1**, jawab soalan-soalan yang berikut dengan menggunakan ayat anda sendiri.

- (i) Berikan maksud rangkai kata *menggapai kesejahteraan dan kemakmuran*?
[2 markah]
- (ii) Mengapakah kerajaan mengambil langkah-langkah untuk meningkatkan sektor pertanian?
[3 markah]
- (iii) Pada pendapat anda, bagaimanakah caranya untuk menggalakkan masyarakat menyertai bidang bioteknologi di negara ini?
[4 markah]

Soalan 2(b) – Petikan Drama

Baca petikan drama di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikut dengan menggunakan ayat anda sendiri.

Umar : *(Tenang, tegas)* I dah fikir *habis-habis*, Piah. I suka jadi guru. Kalau boleh duduk di Kementerian Pelajaran pun I tak mahu.

Safiah : *(Mengeluh, terdiam seketika, kemudian berkata lagi dengan harapan baru)*. Kalau tak mahu masuk MCS, kenapa you tak masuk *Foreign Service*?

Umar : *Foreign Service*?. Buat apa?

Safiah : Ha, itulah susahny kalau fikiran you asyik ke guru sahaja! Nak jadi guru, sampai you tak mahu tempat lain. *Father I* bilang kalau masuk *Foreign Service* ada can ke luar negeri. *(Memandang Umar, sedikit keanak-anakan)* You tak suka ke luar negeri?

Umar : Ini bukan soal suka tak suka ke luar negeri Piah. Kalau jadi guru pun bukan tak mungkin I ke luar negeri.

Safiah : Ke luar negeri sebulan dua melawat-lawat sahaja, buat apa?

Umar : Habis apa maksud you?

Safiah : I mahu duduk di luar negeri, bekerja di luar negeri. *(Memandang kejauhan, matanya penuh impian, bangga dan bergaya)* Di Paris, di London, di ...

Umar : *(Sinis)* Di United States, di Hollywood...

Safiah : *(Terhenti, menjeling masam pada Umar, terdiam seketika, tapi bersemangat semula)* Kalau you bercita-cita hanya nak jadi buru, tak payah masuk universiti pun you boleh jadi guru. Apa susahny? Tengok, berapa banyak orang yang boleh jadi guru, tak payah pandai cakap Inggeris pun boleh jadi guru.

Umar : *(Sedikit kesal)* You terlalu memikirkan diri sendiri. I suka jadi guru dan kita pun memang kekurangan guru.

(Dipetik daripada Drama Serunai Malam dalam antologi Anak Laut, Dewan Bahasa dan Pustaka)

- (i) Mengapakah Umar tetap bertegas untuk menjadi seorang guru? [3 markah]
- (ii) Pekerjaan guru kini dianggap sebagai satu profesion yang mencabar. Berikan pendapat anda untuk menyokong pernyataan tersebut. [3 markah]
- (iii) Huraikan **satu** perwatakan Umar yang terdapat dalam petikan dan **dua** perwatakannya yang lain daripada keseluruhan drama. [3 markah]

Soalan 2(c) Petikan Prosa Klasik

Baca petikan di bawah dengan teliti. Kemudian, jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

Maka pada antara itu berkata seorang budak. “Apakah kerja kita berkubukan betis ini?. Kita perdayakan diri kita demikian ini jika kita berkubukan batang pisang alangkah baiknya.”

Telah didengar oleh Paduka Seri Maharaja, maka titah baginda. “Benarlah seperti kata kanak-kanak ini.”

Maka baginda pun mengerahkan segala rakyat berkotakan rias. Maka todak pun datang ; serta ia melompat lekat jungornya pada batang pisang itu, maka datang orang menetak dia. Maka tidak terkira-kira lagi banyak matinya todak itu, bangkainya bertimbun-timbun di pantai itu. Maka tidak termakan lagi oleh manusia di dalam negeri Singapura. Maka todak itupun tidaklah melompat lagi.

Pada suatu riwayat, daripada deras lompat todak itu, datang ke atas gajah, kena baju raja Paduka Seri Maharaja, carik lengannya maka diperbuatkan orang nyanyi :

Carik baju raja,
Dilompati todak;
Bukan disahaja,
Sebab akal budak.

Setelah itu maka Paduka Seri Maharaja pun kembali. Maka sembah orang besar-besar, “Tuanku, budak ini *terlalu sekali besar akalnya*. Sedangkan ia budak lagi demikian, jikalau ia besar berapa lagi banyak akalnya? Baiklah ia kita bunuh.

(Dipetik daripada “Kezaliman Membawa Padah”, dalam antologi *Kerusi*, Dewan Bahasa dan Pustaka)

- (i) Terangkan maksud *terlalu sekali besar akalnya*. [2 markah]
- (ii) Apakah yang berlaku selepas cadangan kanak-kanak itu diterima? [3 markah]
- (iii) Sekiranya anda Paduka Seri Maharaja, apakah yang akan anda lakukan terhadap kanak-kanak itu? [3 markah]

Soalan 2(d) Petikan Sajak

Baca sajak di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikut dengan menggunakan ayat anda sendiri.

Di Kota Kecilku

Di sini aku pulang
tempat bersekolah dan dibesarkan
lewat padang Speedy
terus ke Durian Sebatang
semuanya kini terasa kecil
mengimbau rindu
dan kenangan.

Di sini anak belasan tahun
mulai mengenal cinta dan ilmu
pengorbanan ayah dan emak
keakraban teman dan pergelutan
detik itu mengambang bagai mimpi
sewaktu kulewati kota kecilku ini.

Sesaat tiba di muka sekolah
telah lama kutingalkan
kini sudah berubah
terasa sepi
suara guru yang memberikan markah
pada pangkat pertama
buat si anak desa
dan ayahku tak berkata bangga.

Di sinilah anak desa
menenal dunia
di kota kecilnya
Padang Speedy
dan Durian Sebatang
meski berubah pandangan
mengimbau rindu dan kenangan
sayang

BAHA ZAIN

Antologi Kerusi

Dewan Bahasa dan Pustaka

- (i) Apakah yang menjadi kenangan bagi diri penyajak semasa bersekolah dahulu?
[3 markah]
- (ii) Pada pendapat anda apakah sumbangan-sumbangan yang boleh diberikan oleh penyajak untuk memajukan kampung halamannya setelah dia menjadi orang yang berjaya?
[3 markah]
- (iii) Huraikan sifat-sifat penyajak seperti yang digambarkan dalam sajak Di Kota Kecilku.
[3 markah]

Soalan 3 : Pengetahuan dan Kemahiran Bahasa

[30 markah]

Jawab semua soalan

(a) *Tulis satu ayat bagi perkataan di bawah supaya jelas menunjukkan maksudnya. Anda tidak boleh menambahkan imbuhan, menukarkan imbuhan atau menggunakan perkataan itu sebagai peribahasa dan nama khas.*

- (i) kupas
- (ii) kupasan
- (iii) pengupas
- (iv) mengelupas
- (v) pengupasan
- (vi) mengupaskan

[6 markah]

(b) *Tukar ayat bersusunan biasa di bawah kepada ayat bersusunan songsang tanpa mengubah maksud asalnya.*

- (i) Mereka berlepas ke Langkawi pada pagi tadi?
- (ii) Fuad, Muthu, dan Ah Lim akan menyertai kem motivasi.
- (iii) Untuk pembeli itu membeli kereta mewah sesungguhnya amat mustahil.

[6 markah]

(c) *Dalam setiap ayat di bawah terdapat kesalahan penggunaan ejaan dan imbuhan. Kenal pasti dan betulkan kesalahan-kesalahan itu dengan menulis ayat-ayat itu semula tanpa mengubah struktur dan maksud asalnya.*

- (i) Kehidupan akuatik semakin terancam akibat perbuatan manusia yang tidak bertanggung jawab menjaga alam ini.
- (ii) Ejen syarikat itu akan datang ke rumahnya pada petang itu untuk pengutipan wang ansuran skim insuran tersebut.
- (iii) Kementerian Pelancongan turut memperuntukan RM 400 juta untuk menaiktaraf infrastruktur menjelang Tahun Melawat Malaysia 2007.

[6 markah]

(d) *Dalam ayat-ayat di bawah terdapat kesalahan penggunaan kata atau istilah atau kesalahan tatabahasa. Kenal pasti dan betulkan kesalahan-kesalahan itu dengan menulis ayat itu semula tanpa mengubah struktur dan maksud asalnya.*

- (i) Anak ayam dalam reban lari berhamburan apabila musang memasuki reban tersebut.
- (ii) Selain pencapaian akademik, pelajar juga perlu cerdas dalam kegiatan kokurikulum seperti sukan atau lain-lain aktiviti.
- (iii) Pesta Puisi Patriotik di tahun ini lebih istimewa kerana Perdana Menteri turut mengalunkan sajak bersama pemimpin negara, sasterawan, ahli korporat, dan penyair negara.

[6 markah]

(e) *Baca ayat-ayat di bawah dengan teliti dan kemudian nyatakan peribahasa yang sesuai dengan ayat-ayat tersebut.*

- (i) Nazrin kebingungan apabila berada di tengah-tengah bandar raya itu kerana tidak pernah menjejakkan kaki di situ.
- (ii) Amirudin cuba menduga kehebatan Fadli dalam bidang Sains dan Matematik sedangkan dia tahu akan kebijaksanaan Fadli.
- (iii) Dalam usaha untuk mencapai kemajuan dan kejayaan negara, nilai kerjasama dalam kalangan rakyat amat diperlukan.

[6 markah]

Soalan 4 : Novel

[15 markah]

Jawab soalan-soalan di bawah berdasarkan novel-novel berikut :

- (i) Terminal Tiga karya Othman Puteh.
- (ii) Perlumbaan Kedua karya Marwilis Hj. Yusuf.
- (iii) Di Hadapan Pulau A. Samad Said.
- (iv) Bukit Kepong karya Ismail Johari.
- (v) Konserto Terakhir karya Abdullah Hussein.
- (vi) Seteguh Karang karya Tuan Faridah Syed Abdullah.
- (vii) Julia karya Abu Hassan Morad.
- (viii) Putera Gunung Tahan karya Ishak Hj. Mohamad.

- (a) Unsur suspens merupakan satu daripada teknik plot yang digunakan oleh pengarang untuk menggambarkan sesuatu peristiwa atau jalan cerita.

Jelaskan **dua** peristiwa yang menggunakan teknik suspens dalam sebuah novel yang telah anda kaji.

[7 markah]

- (b) Berdasarkan **dua** buah novel yang anda kaji, bandingkan **dua** latar masyarakat yang terdapat dalam novel tersebut.

[8 markah]

KERTAS SOALAN TAMAT